

DISKAUN 20% BAGI PELANGGAN DI PLAZA TOL JAMBATAN PULAU PINANG
SOALAN LAZIM

Isi Kandungan

A. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% MELALUI APLIKSAI JUSTGO	2
B. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% MELALUI RFID.....	4
C. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% MELALUI KAD BANK	5
D. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% MELALUI KAD Touch 'n Go.....	7
E. BERKAITAN KEAHLIAN PLUSMILES	8
F. SOALAN AM	10
G. SOALAN BERKAITAN PENYAMBUNGAN SEMULA DISKAUN 20%.....	12
H. SOALAN BERKAITAN PENGGANTIAN DISKAUN 20%.....	13

DISKAUN 20% BAGI PELANGGAN DI PLAZA TOL JAMBATAN PULAU PINANG

Tarikh Kemaskini : 22 Ogos 2026

NO	SOALAN	JAWAPAN
A. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% MELALUI APLIKSAI JUSTGO		
1.	Bilakah PLUS akan mengaktifkan Diskaun 20% melalui Aplikasi JustGO kepada pelanggan yang layak di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang?	PLUS telah mengaktifkan Diskaun 20% melalui Aplikasi JustGO kepada pelanggan yang layak di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang pada 28 Ogos 2026
2.	Adakah permohonan diskaun 20% bagi Aplikasi JustGO akan dibuka kepada semua kelas kenderaan?	TIDAK. Hanya kenderaan Kelas 2 dan 3 yang telah mengaktifkan akaun JustGOi dan memenuhi Terma & Syarat yang ditetapkan layak memohon kadar tol diskaun 20%.
3.	Siapakah yang layak menikmati kadar tol diskaun 20% melalui Aplikasi JustGO di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang dan apakah dokumen yang perlu disediakan semasa melakukan permohonan?	Terdapat 2 kategori : Penduduk Pulau Pinang. ➤ <u>Syarat kelayakan:</u> - Warganegara Malaysia. - Berumur tujuh belas (17) tahun dan ke atas semasa tarikh permohonan. - Kad Pengenalan pemohon beralamat di Pulau Pinang. - Setiap pelanggan hanya layak mendapatkan satu (1) diskaun sahaja. - Kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama pemohon atau ahli keluarga terdekat iaitu ibu bapa, suami/isteri atau anak-anak yang sah di sisi undang-undang sahaja. ➤ <u>Dokumen Sokongan Yang Diperlukan:</u> - Salinan Kad Pengenalan pemohon. - Salinan Kad Pengenalan pemilik kenderaan sekiranya pemohon bukan pemilik berdaftar kenderaan tersebut. - Surat kebenaran daripada pemilik kenderaan. - Salinan Sijil Pendaftaran Kenderaan. - Salinan Sijil Perkahwinan atau Sijil Kelahiran pemilik kenderaan (sekiranya pemilik kenderaan merupakan ibu bapa, suami/isteri atau anak pemohon). Pekerja atau Pelajar ➤ <u>Syarat Kelayakan:</u> - Warganegara Malaysia. - Berumur tujuh belas (17) tahun dan ke atas semasa tarikh permohonan. - Bekerja/belajar di syarikat/institusi yang beralamat di Pulau Pinang - Setiap pelanggan hanya layak menerima satu (1) diskaun sahaja. - Kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama pemohon atau ahli keluarga terdekat iaitu ibu bapa, suami/isteri atau anak-anak yang sah di sisi undang-undang sahaja. ➤ <u>Dokumen sokongan yang diperlukan:</u> - Salinan Kad Pengenalan pemohon - Salinan Kad Pengenalan pemilik kenderaan, jika pemohon bukan pemilik kenderaan. - Surat kebenaran dari pemilik kenderaan. - Salinan Sijil Pendaftaran Kenderaan. - Salinan Sijil Nikah atau Sijil Kelahiran pemilik kenderaan (jika pemilik kenderaan adalah ibubapa, suami/isteri atau anak pemohon).

		f) Pemohon hendaklah mengemukakan surat pengesahan pekerjaan/penggajian yang bertarikh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan.
4.	Adakah saya perlu mendaftar sebagai ahli PLUSMiles?	TIDAK. Semua pengguna JustGO akan didaftarkan secara automatik sebagai ahli PLUSMiles, tanpa perlu membuat pendaftaran secara berasingan.
5.	Bagaimanakah cara untuk memohon diskaun 20% melalui Aplikasi JustGO?	Permohonan diskaun 20% JustGO hanya boleh dilakukan melalui Aplikasi JustGO dengan mengikuti langkah tersebut: 1. Daftar akaun JustGO atau log masuk ke akaun JustGO sedia ada. 2. Lengkapkan proses <i>onboarding</i> (e-KYC, e-KYP dan e-KYV). 3. Klik pada <i>banner</i> Jimat di Penang. 4. Lengkapkan maklumat permohonan dan muat naik dokumen yang diperlukan. 5. Proses permohonan selesai.
6.	Bagaimanakah cara untuk menyemak status permohonan diskaun 20% JustGO?	Semakan boleh dibuat melalui Aplikasi JustGO, di " <i>Jimat di Penang Discount Summary</i> ".
7.	Jika saya menggunakan Aplikasi JustGO diskaun 20% sebagai kaedah pembayaran tol dan menggunakan kenderaan Kelas 3 (Van), dimanakah lorong yang sepatutnya saya lalui?	Pengguna Aplikasi JustGO yang telah mengaktifkan kadar tol diskaun 20% boleh menggunakan mana-mana lorong di Jambatan Pulau Pinang.
8.	Bagaimanakah cara untuk membatalkan diskaun 20% melalui Aplikasi JustGO?	1. Log masuk akaun JustGO 2. Klik pada "<i>Me</i>" 3. Klik pada "<i>Cancellation request</i>" di bawah pautan "<i>Jimat di Penang Discount Summary</i>" 4. Masukkan alasan permohonan pembatalan, kemudian klik "<i>Proceed</i>". 5. Permohonan pembatalan akan diproses. 6. Setelah pembatalan berjaya, anda perlu menunggu selama tujuh (7) hari sebelum boleh membuat permohonan baharu.
9.	Mengapakah saya tidak dapat membuat permohonan baharu selepas pembatalan?	Permohonan baharu hanya boleh dibuat selepas tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pembatalan berjaya.
10.	Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya permohonan diskaun 20% saya ditolak?	Anda boleh membuat permohonan semula dengan memastikan semua maklumat dan dokumen yang dikemukakan adalah lengkap serta memenuhi Terma & Syarat.
11.	Bolehkah saya membuat permohonan untuk lebih daripada satu kenderaan bagi menikmati diskaun 20%?	TIDAK. Setiap akaun JustGO hanya layak memohon satu (1) kenderaan sahaja bagi menikmati diskaun 20% .

NO	SOALAN	JAWAPAN
B. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% MELALUI RFID		
1.	Adakah permohonan diskaun 20% melalui RFID akan dibuka kepada semua kelas kenderaan?	TIDAK. Hanya kenderaan Kelas 2 dan 3 yang telah memasang dan mengaktifkan Tag RFID sahaja yang layak memohon kadar tol diskaun 20% yang menepati Terma & Syarat.
2.	Jika saya menggunakan sistem RFID diskaun 20% sebagai kaedah pembayaran tol dan menggunakan kenderaan Kelas 3, dimanakah lorong yang sepatutnya saya lalui?	Pengguna RFID boleh melalui lorong yang mempunyai papan tanda RFID. Memandangkan Lorong U26 & U19 adalah lorong khas RFID, kenderaan RFID kelas 3 juga dibenarkan melalui lorong tersebut.
3.	Siapakah yang layak menikmati kadar tol diskaun 20% RFID di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang dan apakah dokumen yang perlu disediakan semasa melakukan permohonan?	Terdapat 2 kategori : Penduduk Pulau Pinang. ➤ <u>Syarat kelayakan:</u> - Warganegara Malaysia. - Berumur tujuh belas (17) tahun dan ke atas semasa tarikh permohonan. - Kad Pengenalan pemohon beralamat di Pulau Pinang. - Setiap pelanggan hanya layak mendapatkan 1 diskaun sahaja. - Kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama pemohon atau ahli keluarga terdekat iaitu ibu bapa, suami/isteri atau anak-anak yang sah di sisi undang-undang sahaja. ➤ <u>Dokumen Sokongan Yang Diperlukan:</u> - Salinan Kad Pengenalan pemohon. - Salinan Kad Pengenalan pemilik kenderaan sekiranya pemohon bukan pemilik berdaftar kenderaan tersebut. - Surat kebenaran daripada pemilik kenderaan. - Salinan Sijil Pendaftaran Kenderaan. - Salinan Sijil Perkahwinan atau Sijil Kelahiran pemilik kenderaan (sekiranya pemilik kenderaan merupakan ibu bapa, suami/isteri atau anak pemohon). Pekerja atau Pelajar ➤ <u>Syarat Kelayakan:</u> - Warganegara Malaysia. - Berumur tujuh belas (17) tahun dan ke atas semasa tarikh permohonan. - Bekerja/belajar di syarikat/institusi yang beralamat di Pulau Pinang - Setiap pelanggan hanya layak menerima satu (1) diskaun sahaja. - Kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama pemohon atau ahli keluarga terdekat iaitu ibu bapa, suami/isteri atau anak-anak yang sah di sisi undang-undang sahaja. ➤ <u>Dokumen sokongan yang diperlukan:</u> - Salinan Kad Pengenalan pemohon - Salinan Kad Pengenalan pemilik kenderaan, jika pemohon bukan pemilik kenderaan. - Surat kebenaran dari pemilik kenderaan. - Salinan Salinan Sijil Pendaftaran Kenderaan. - Salinan Sijil Nikah atau Sijil Kelahiran pemilik kenderaan (jika pemilik kenderaan adalah ibubapa, suami/isteri atau anak pemohon). - Pemohon hendaklah mengemukakan surat pengesahan pekerjaan/penggajian yang bertarikh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan.

4.	Adakah permohonan diskaun 20% RFID boleh dilakukan di Kaunter Khidmat Pelanggan Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang?	TIDAK. Pelanggan perlu melakukan permohonan atas talian melalui portal Jimat di Penang sahaja dengan melayari Portal Jimat di Penang .
5.	Bagaimanakah cara permohonan diskaun 20% RFID dilakukan?	Pelanggan boleh melakukan permohonan dengan cara berikut: 1. Layari portal Portal Jimat di Penang. 2. Lengkapkan Permohonan dengan memilih pendaftaran individu, kelas kenderaan dan seterusnya kategori permohonan. 3. Muat naik dokumen yang diperlukan.
6.	Adakah saya perlu mendaftar sebagai ahli PLUSMiles?	YA. Anda perlu mendaftar sebagai ahli PLUSMiles kerana akses ke portal diskaun 20% menggunakan butiran keahlian PLUSMiles. Sila masukkan ID dan kata laluan yang sama seperti yang digunakan untuk mengakses portal PLUSMiles ketika mengakses Portal Jimat di Penang .

NO	SOALAN	JAWAPAN
C. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% MELALUI KAD BANK		
1.	Apakah jenis-jenis kad yang boleh diterima untuk sistem pembayaran tol terbuka ini?	Hanya kad debit, kredit, prabayar (prepaid) Visa/Mastercard/American Express diterima untuk pembayaran sistem terbuka ini.
2.	Berapakah jumlah kad yang boleh saya daftarkan untuk permohonan diskaun 20% Kad Bank?	Pelanggan hanya dibenarkan untuk mendaftar satu (1) kad bank sahaja semasa membuat permohonan diskaun 20% Kad Bank.
3.	Adakah permohonan diskaun 20% Kad Bank akan dibuka kepada semua kelas kenderaan?	TIDAK. Hanya dibuka kepada kenderaan Kelas 2 dan 3 sahaja yang layak memohon kadar tol diskaun 20% yang menepati Terma & Syarat.
4.	Jika saya menggunakan Sistem Kad Bank diskaun 20% sebagai kaedah pembayaran tol dan menggunakan kenderaan Kelas 3, dimanakah lorong yang sepatutnya saya lalui?	Pelanggan boleh melalui lorong yang mempunyai papan tanda pembayaran Kad Bank. Kenderaan kelas 3 yang menggunakan pembayaran kad bank juga dibenarkan melalui lorong tersebut.
5.	Siapakah yang layak menikmati kadar tol diskaun 20% Kad Bank di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang dan apakah dokumen yang perlu disediakan semasa melakukan permohonan?	Terdapat 2 kategori : 1. Penduduk Pulau Pinang. ➤ <u>Syarat kelayakan:</u> a) Warganegara Malaysia. b) Berumur tujuh belas (17) tahun dan ke atas semasa tarikh permohonan. c) Kad Pengenalan pemohon beralamat di Pulau Pinang. d) Setiap pelanggan hanya layak mendapatkan 1 diskaun sahaja. e) Kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama pemohon atau ahli keluarga terdekat iaitu ibu bapa, suami/isteri atau anak-anak yang sah di sisi undang-undang sahaja. ➤ <u>Dokumen Sokongan Yang Diperlukan:</u> a) Salinan Kad Pengenalan pemohon. b) Salinan Kad Pengenalan pemilik kenderaan sekiranya pemohon bukan pemilik berdaftar kenderaan tersebut. c) Surat kebenaran daripada pemilik kenderaan. d) Salinan Sijil Pendaftaran Kenderaan. e) Salinan Sijil Perkahwinan atau Sijil Kelahiran pemilik kenderaan (sekiranya pemilik kenderaan merupakan ibu bapa, suami/isteri atau anak pemohon).

		2. Pekerja atau Pelajar ➤ <u>Syarat Kelayakan:</u> - Warganegara Malaysia. - Berumur tujuh belas (17) tahun dan ke atas semasa tarikh permohonan. - Bekerja/belajar di syarikat/institusi yang beralamat di Pulau Pinang - Setiap pelanggan hanya layak menerima satu (1) diskaun sahaja. - Kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama pemohon atau ahli keluarga terdekat iaitu ibu bapa, suami/isteri atau anak-anak yang sah di sisi undang-undang sahaja. ➤ <u>Dokumen sokongan yang diperlukan:</u> - Salinan Kad Pengenalan pemohon - Salinan Kad Pengenalan pemilik kenderaan, jika pemohon bukan pemilik kenderaan. - Surat kebenaran dari pemilik kenderaan. - Salinan Sijil Pendaftaran Kenderaan. - Salinan Sijil Nikah atau Sijil Kelahiran pemilik kenderaan (jika pemilik kenderaan adalah ibubapa, suami/isteri atau anak pemohon). - Pemohon hendaklah mengemukakan surat pengesahan pekerjaan/penggajian yang bertarikh tidak melebihi 1 bulan dari tarikh permohonan.
6.	Adakah permohonan diskaun 20% Kad Bank boleh dilakukan di Kaunter Khidmat Pelanggan Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang?	TIDAK. Pelanggan perlu melakukan permohonan atas talian melalui portal Jimat di Penang sahaja dengan melayari Portal Jimat di Penang .
7.	Bagaimanakah cara permohonan diskaun 20% Kad Bank dilakukan?	Pelanggan boleh melakukan permohonan dengan cara berikut: - Layari portal Portal Jimat di Penang. - Lengkapkan Permohonan dengan memilih pendaftaran individu, kelas kenderaan dan seterusnya kategori permohonan. Muat naik dokumen yang diperlukan.
8.	Adakah saya perlu mendaftar sebagai ahli PLUSMiles?	YA. Anda perlu mendaftar sebagai ahli PLUSMiles kerana akses ke portal diskaun 20% menggunakan butiran keahlian PLUSMiles. Sila masukkan ID dan kata laluan yang sama seperti yang digunakan untuk mengakses portal PLUSMiles ketika mengakses Portal Jimat di Penang.
9.	Mengapakah kad bank saya dicaj RM1.00 selepas pendaftaran diskaun tol ini?	Caj ini dikenakan semasa pihak bank melakukan pengesahan keselamatan kad bank anda, ini bukan caj sebenar dan ia akan dikembalikan serta-merta. Bergantung kepada bank anda, ia akan dikeluarkan dari penyata anda pada bila-bila masa dari beberapa minit hingga ke beberapa minggu. Sekiranya bayaran balik tidak diterima, sila semak dengan bank yang mengeluarkan kad bank anda.
10.	Apakah yang perlu saya lakukan untuk terus menikmati diskaun ini sekiranya kad bank saya telah tamat tempoh?	Pengguna perlu mengemaskini maklumat kad baharu yang telah diperbaharui dengan mengikut langkah-langkah berikut : - Layari Jimat Di Penang Portal - Klik butang “Semak Status Permohonan/Pertukaran Kad Bank” (Kenderaan Individu) - Log masuk ke akaun PLUSMiles - Klik butang “Pertukaran Kad Bank” - Klik butang “Seterusnya” untuk meneruskan proses pengalihan ke portal bank - Masukkan maklumat kad bank dan klik butang “Proceed” - Masukkan kod MSOS bank yang diterima melalui telefon bimbit. - Terima notifikasi melalui emel

NO	SOALAN	JAWAPAN
D. SOALAN BERKAITAN DISKAUN 20% MELALUI KAD Touch 'n Go		
1.	Sebagai pemegang Kad Touch 'n Go diskaun 20% untuk Kelas 3A, 4, 4A, 5, 5A, 6 & 7, adakah pelanggan dibenarkan untuk memohon diskaun 20% Sistem RFID/Kad Bank/JustGo?	TIDAK. Pelanggan yang layak tidak dibenarkan memohon diskaun 20% RFID/ Kad Bank/JustGo tetapi boleh memohon diskaun 20% Kad Touch 'n Go.
2.	Adakah syarikat yang berpangkalan dan menjalankan operasi di Pulau Pinang layak untuk mendapatkan diskaun 20% Kad Touch 'n Go?	YA. Syarikat yang berpangkalan dan beroperasi di Pulau Pinang layak untuk mendapatkan diskaun 20% Kad Touch 'n Go.
3.	Bagaimanakah cara permohonan diskaun 20% Kad Touch 'n G dilakukan?	Pelanggan boleh melakukan permohonan dengan cara berikut: 1. Layari portal PLUSMiles di Portal Jimat di Penang. 2. Lengkapkan Permohonan dengan memilih pendaftaran syarikat, kelas kenderaan dan seterusnya kategori permohonan. 3. Muat naik dokumen-dokumen yang diperlukan 4. Maksima sepuluh (10) kenderaan untuk setiap permohonan Berikut adalah dokumen yang perlu dimuat naik semasa melakukan permohonan: 1. Salinan pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terkini dan beralamat di Pulau Pinang sahaja iaitu kedua-dua borang tersebut: ➤ Borang D (Rule 13) ➤ Borang Particulars of Registered Address 2. Salinan Sijil Pendaftaran Kenderaan yang didaftarkan atas nama syarikat dan dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ). 3. Surat Rasmi permohonan syarikat yang menggunakan 'Letterhead' beralamat di Pulau Pinang beserta senarai nombor pendaftaran kenderaan.

NO	SOALAN	JAWAPAN
E. BERKAITAN KEAHLIAN PLUSMILES		
1.	Apa itu Program PLUSMiles?	PLUSMiles adalah program kesetiaan pelanggan PLUS yang direka khas untuk memberi penghargaan kepada pelanggan kami di lebuh raya PLUS*, ELITE, BKE, SPDH, LINKEDUA, JPP dan LPT2. Dengan mendaftarkan kad PLUSMiles/Touch 'n Go/JustGO anda, anda dapat menikmati Mata Ganjaran PLUSMiles.
2.	Adakah saya dapat mengumpul Mata Ganjaran PLUSMiles dengan menggunakan RFID di Lebuhraya PLUS?	Mata Ganjaran PLUSMiles diberikan kepada kenderaan persendirian (kelas 1) berdasarkan jarak perjalanan kilometer (KM) di lebuh raya – lebuh raya PLUS, ELITE, BKE, JPP, SPDH, LINKEDUA & LPT2. Pengiraan mata ganjaran adalah berdasarkan jarak perjalanan dalam kilometer (KM) dari plaza tol ke plaza tol untuk sistem tol tertutup; iaitu 1KM = 1 Mata Ganjaran PLUSMiles. Untuk plaza tol sistem terbuka, pengiraannya adalah berdasarkan pengiraan yang telah ditetapkan. Mata Ganjaran PLUSMiles hanya akan dikira pada tarikh anda mendaftarkan Tag RFID (dan kad PLUSMiles/Touch 'n Go) di dalam Akaun PLUSMiles. Pengguna JustGO automatik akan menjadi ahli PLUSMiles.
3.	Adakah saya perlu menjadi ahli PLUSMiles terlebih dahulu untuk membuat permohonan diskaun tol 20%?	Sekiranya anda ingin membuat permohonan diskaun tol 20% untuk kategori individu, anda perlu menjadi ahli PLUSMiles terlebih dahulu.
4.	Bagaimanakah saya mendaftar sebagai ahli PLUSMiles untuk membuat permohonan diskaun tol 20%?	Pendaftaran Akaun Ahli PLUSMiles - Layari Portal Jimat di Penang. - Pilih pendaftaran individu dan jenis Kenderaan - Klik pada “Bukan ahli PLUSMiles? Klik disini untuk mendaftar” - Isi butiran maklumat diperlukan dan klik “Register” - Semak emel untuk membuat pengesahan akaun PLUSMiles - Klik pautan pengesahan akaun PLUSMiles pada emel yang diterima - Pendaftaran ahli PLUSMiles telah berjaya, sila log masuk ke akaun PLUSMiles di Portal Jimat di Penang. Ahli PLUSMiles Sedia Ada - Layari Portal Jimat di Penang. - Pilih pendaftaran individu dan jenis Kenderaan - Isi emel dan kata laluan akaun PLUSMiles sedia ada untuk log masuk. Ahli PLUSMiles Sedia Ada – Terlupa Kata Laluan - Layari Portal Jimat di Penang. - Pilih pendaftaran individu dan jenis Kenderaan - Klik pada “Terlupa kata laluan? Klik disini” - Isi emel akaun PLUSMiles dan klik pada “penetapan kata laluan”. - Semak inbox emel dan klik pautan yang diberikan di dalam emel. - Semak inbox untuk emel kedua yang mengandungi kata laluan sementara. - Kembali ke Portal Jimat di Penang dan log masuk menggunakan kata laluan sementara.
5.	Bagaimanakah saya boleh memohon Diskaun Bayaran Tol 20% JPP selepas berjaya mendaftar sebagai ahli PLUSMiles?	- Layari Portal Jimat di Penang. - Pilih pendaftaran individu dan jenis Kenderaan - Pilih kategori sama ada penduduk tetap, pekerja atau pelajar di Pulau Pinang - Log masuk menggunakan butiran PLUSMiles anda. Sila rujuk D(3)

		untuk mengetahui cara-cara untuk mendaftar sebagai pemegang Kad Touch 'n Go V. Lengkapi pendaftaran berdasarkan butiran yang diperlukan VI. Muat naik dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan, geran kereta dan surat pengesahan
6.	Perlu kah saya mendaftar akaun PLUSMiles yang baru sekiranya saya telah mempunyai akaun sedia ada untuk memohon diskaun 20% pembayaran tol Jambatan Pulau Pinang melalui RFID E- Wallet/Kad Bank?	TIDAK. Anda hanya perlu log masuk ke akaun PLUSMiles sedia ada untuk membuat permohonan diskaun 20% pembayaran tol Jambatan Pulau Pinang di Portal Jimat di Penang.
7.	Apakah saya boleh lakukan dengan Mata Ganjaran PLUSMiles?	Anda boleh menebus Mata Ganjaran tersebut dengan memuat turun Aplikasi PLUS di Apple App Store atau Google Play.
8.	Bagaimanakah cara untuk mendapatkan Mata Ganjaran PLUSMiles?	Anda perlu menambahkan kad PLUSMiles/Touch 'n Go ke dalam akaun PLUSMiles (www.plusmiles.com.my atau muat turun Aplikasi PLUS). Anda layak mendapat Mata Ganjaran apabila anda melakukan perjalanan di Lebuhraya PLUS dengan menggunakan kenderaan persendirian (kelas 1) di PLUS, ELITE, BKE, SPDH, LINKEDUA, LPT2 & JPP (kelas 2 & 3). Pengguna JustGo akan secara automatik menjadi ahli PLUSMiles.
9.	Bagaimanakah Mata Ganjaran PLUSMiles dikira?	Mata Ganjaran PLUSMiles diberikan kepada kenderaan persendirian berdasarkan jarak perjalanan Kilometer (KM) di (kelas 1) PLUS, ELITE, BKE, JPP, SPDH, LINKEDUA & LPT2, JPP (kelas 2 & 3).
10.	Bagaimanakah cara saya mengemaskini kata laluan akaun PLUSMiles saya?	Anda tidak boleh mengemaskini kata laluan di Portal Jimat di Penang. Untuk mengemaskini sila ikuti langkah tersebut: 1. Layari Portal PLUSMiles 2. Klik "My Account" 3. Klik "Setting" 4. Ubah kata laluan anda (pastikan kata laluan mempunyai sekurang-kurangnya 1 huruf besar, nombor, dan karakter istimewa) 5. Klik "Update" Atau melalui Aplikasi PLUS.
11.	Bolehkah saya mendaftar sebagai ahli PLUSMiles bagi syarikat saya untuk membuat permohonan diskaun tol 20%?	TIDAK. Pendaftaran ahli PLUSMiles hanya terbuka kepada individu. Sekiranya anda ingin membuat permohonan diskaun tol 20% bagi syarikat, anda hanya perlu menekan butang "pendaftaran syarikat" setelah melayari Portal Jimat di Penang.
12.	Adakah 1 akaun PLUSMiles untuk 1 akaun TnG eWallet?	YA. Walau bagaimanapun pendaftaran akaun PLUSMiles adalah berbeza daripada pendaftaran akaun eWallet Touch 'n Go.
13.	Adakah saya akan mendapat Mata Ganjaran PLUSMiles bagi penggunaan Kad Bank di Jambatan Pulau Pinang?	TIDAK. Buat seketika ini, pemberian Mata Ganjaran PLUSMiles bagi penggunaan Kad Bank di Jambatan Pulau Pinang belum tersedia.

NO	SOALAN	JAWAPAN
F. SOALAN AM		
1.	Adakah Kaunter Khidmat Pelanggan (POS) di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang akan beroperasi seperti biasa?	TIDAK. Walaubagaimanapun, Kaunter Khidmat Pelanggan dibuka untuk temujanji pada hari Khamis dari jam 10 pagi hingga 2 petang untuk urusan penyerahan kad diskaun (Kategori Syarikat) yang layak sahaja.
2.	Adakah penggunaan Kad Touch 'n Go diskaun tol 20% sedia ada boleh digunakan selepas saya menikmati diskaun 20% Aplikasi JustGO/RFID/Kad Bank?	YA. Pelanggan masih boleh menggunakan kad Touch 'n Go diskaun tol 20% sedia ada sehingga dimaklumkan kelak.
3.	Adakah pelanggan boleh memohon diskaun 20% Kad Touch 'n Go sekiranya permohonan diskaun 20% Aplikasi JustGO/RFID/Kad Bank telah diaktifkan untuk kenderaan Kelas 2 dan Kelas 3?	TIDAK. Tiada permohonan baharu Kad Touch 'n Go diskaun 20% kepada pemohon yang layak setelah diskaun 20% Aplikasi JustGO/RFID/Kad Bank diaktifkan.
4.	Sekiranya saya adalah pemegang Kad Touch 'n Go diskaun 20%, adakah saya layak untuk memohon diskaun RFID 20%?	YA. Pelanggan yang layak digalakkan untuk memohon RFID/KAD BANK/JustGO diskaun 20% tetapi masih tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.
5.	Saya dilahirkan di Pulau Pinang dan Kad Pengenalan di negeri lain, adakah saya layak memohon diskaun RFID/KAD BANK/JustGO 20% diskaun?	TIDAK. Hanya Kad Pengenalan yang beralamat di Pulau Pinang sahaja yang layak memohon diskaun RFID/KAD BANK/JustGO 20% bagi kategori penduduk.
6.	Berapa lamakah tempoh kelulusan permohonan diskaun 20% Aplikasi JustGO/RFID/Kad Bank atau Kad Touch 'n Go diskaun 20%?	Tempoh kelulusan selepas tarikh permohonan akan mengambil masa sekitar 3-7 hari, bergantung kepada maklumat serta dokumen sokongan yang lengkap.
7.	Sekiranya permohonan diskaun 20% Aplikasi JustGO/RFID/Kad Bank diluluskan, bolehkah saya menuntut transaksi terdahulu yang tidak mendapat diskaun 20%?	TIDAK. Tiada tuntutan yang dibenarkan untuk transaksi sebelum ini.
8.	Berapakah tempoh sah laku diskaun 20% RFID/KAD BANK/JustGO?	Bagi kategori pekerja dan pelajar, tempoh sah laku adalah selama 2 tahun dari tarikh permohonan diluluskan. Permohonan penyambungan diskaun hanya boleh dilakukan bermula sebulan dari tarikh tamat tempoh (tertakluk kepada terma & syarat). Tiada penyambungan perlu dilakukan bagi kategori penduduk.
9.	Bagi kenderaan Syarikat, bagaimanakah cara untuk memperbaharui kad Touch 'n Go diskaun 20% JPP yang telah tamat tempoh?	Berikut adalah tindakan yang perlu dilakukan oleh pelanggan jika kenderaan pelanggan adalah Kelas 3A, 4, 4A, 5, 5A, 6 & 7: ➤ Layari portal PLUSMiles di Portal Jimat di Penang . ➤ Lengkapkan Permohonan Diskaun 20% Kad PLUSMiles Muat naik dokumen yang diperlukan.
10.	Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya dikenakan caj berganda (Dispute transaction amount) apabila berlaku masalah, sama ada di lorong SMARTAG atau RFID/Kad Bank?	Bagi RFID, pelanggan boleh melakukan tuntutan atas talian di laman sesawang: Refund Touch 'n Go (touchngo.com.my) . Bagi Kad Bank, pelanggan boleh melakukan tuntutan melalui bank yang mengeluarkan kad bank tersebut. Bagi pengguna JustGO, mereka boleh membuat tuntutan dengan menghantar emel ke contact@justgo.com.my
11.	Bolehkah saya menukar dan/atau memindah diskaun kepada pihak lain?	TIDAK Diskaun ini mengikut akaun TnG e-wallet dan RFID/KAD BANK/Aplikasi JustGO yang didaftarkan berdasarkan pemilik kenderaan dan no.plat kenderaan, serta permohonan telah diluluskan oleh pihak PLUS.

12.	Perlukah saya mendapatkan Tag RFID dahulu sebelum membuat permohonan diskaun 20%?	YA. Anda perlu mempunyai Tag RFID dan mengaktifkannya dengan pihak TNG terlebih dahulu memandangkan nombor tag RFID perlu disertakan dalam permohonan.
13.	Saya mempunyai dua kenderaan, bolehkah kedua-dua kenderaan didaftarkan di bawah nama saya?	TIDAK. Permohonan diskaun 20% terhad kepada satu individu dan satu kenderaan sahaja.
14.	Jika permohonan saya diluluskan, adakah saya dapat menikmati diskaun ini selama-lamanya?	Bagi kategori Pekerja/Pelajar, tempoh diskaun adalah 2 tahun. Pengguna yang masih layak dengan syarat-syarat sedia ada, boleh membuat permohonan penyambungan. Manakala kategori Syarikat, tempoh diskaun adalah mengikut tempoh aktif kad TnG dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.
15.	Saya telah menikmati diskaun 20% melalui RFID. Adakah saya perlu membuat permohonan baru jika: ➢ Kereta saya dicuri ➢ Kereta lama telah dijual dan membeli kereta baru	YA. Pemilik kenderaan perlu memaklumkan kepada pihak Touch 'n Go untuk membatalkan RFID Tag di kenderaan yang telah dijual atau dicuri. Anda perlu memasang dan mengaktifkan tag RFID yang baru sebelum memohon semula diskaun dengan pihak PLUS. Bagi pengguna Aplikasi JustGO, anda perlu nyahdaftar kad bank yang sedang digunakan untuk Diskaun 20% melalui Aplikasi JustGo dan hubungi pihak JustGO melalui contact@justgo.com.my
16.	Saya membeli kereta terpakai, masih berhutang dengan pihak Bank dan tiada nama di dalam Geran Kenderaan. Permohonan diskaun 20% JPP saya telah ditolak. Apakah yang perlu saya lakukan?	Pemohon boleh merujuk kepada pihak JPJ untuk pengeluaran geran kenderaan. Pihak JPJ hanya mengeluarkan geran atas pemilik kenderaan sahaja.
17.	Sekiranya permohonan saya telah ditolak, bolehkah saya membuat permohonan semula? Sekiranya boleh, berapa lama saya perlu menunggu untuk membuat permohonan semula?	Boleh. Walau bagaimanapun, permohonan baharu masih tertakluk kepada terma dan syarat permohonan diskaun yang berkuat kuasa. ➢ Bagi pengguna RFID, permohonan baharu boleh dibuat selepas tempoh satu (1) hari dari tarikh permohonan terdahulu ditolak. ➢ Bagi pengguna Kad Bank dan Aplikasi JustGO, permohonan baharu boleh dibuat serta-merta selepas permohonan terdahulu ditolak. Keputusan permohonan akan dimaklumkan dalam tempoh tiga (3) hingga tujuh (7) hari selepas permohonan dihantar.
18.	Apakah maklumat yang perlu ada dalam Surat kebenaran dari pemilik kenderaan "Authorization letter"?	Maklumat yang perlu ada adalah seperti berikut ➢ Pengesahan kebenaran dari pemilik kenderaan kepada pemohon untuk membenarkan pendaftaran kenderaan beliau ➢ Nama penuh dan nombor kad Pengenalan pemohon dan pemilik kenderaan ➢ Nombor plat kenderaan
19.	Tempoh sah laku adalah selama 2 tahun dari tarikh permohonan diluluskan. Adakah terdapat sebarang caj kepada pengguna untuk membuat penyambungan?	TIADA
20.	Bolehkah saya menghantar dokumen yang diperlukan di Pusat Khidmat Pelanggan Jambatan Pulau Pinang?	TIDAK. Tiada permohonan yang akan diproses melalui kaunter di Pusat Khidmat Pelanggan.

21.	Siapakah yang perlu saya hubungi jika saya menghadapi masalah berkenaan akaun PLUSMiles?	Anda boleh menghubungi pihak PLUS melalui saluran-saluran berikut : • Chatbot PUTRI melalui laman sesawang PLUS atau WhatsApp ke 019-356 9802 • Hubungi PLUSLine di 1800-88-0000 • Emel ke customerfeedback@plus.com.my • Borang maklum balas di laman sesawang PLUS
22.	Saya telah menikmati diskaun 20% melalui RFID. Sekiranya RFID Tag saya rosak dan telah menukar TAG RFID yang baharu, perlukah saya buat permohonan diskaun 20% semula?	TIDAK. Kerana kenderaan anda (No.Pendaftaran yang sama) sudah sedia menikmati diskaun 20% dan telah dipautkan pada Tag RFID yang baharu.
23.	Saya mempunyai lori persendirian, namun tidak dapat memohon diskaun 20% bagi Aplikasi JustGO/RFID/Kad Bank yang hanya disediakan kepada kenderaan kelas 2 & 3. Bolehkah saya buat permohonan diskaun 20% melalui Kad Touch 'n Go?	TIDAK. Permohonan diskaun 20% melalui kad hanya dibuka kepada lori syarikat sahaja.
24.	Saya merupakan penduduk Pulau Pinang dan mendapat kereta daripada syarikat untuk kegunaan seharian saya. Adakah saya perlu membuat permohonan diskaun 20% bagi Kad Touch 'n Go atau RFID atau JustGo?	Bagi kategori syarikat, hanya kenderaan kelas 3A dan ke atas sahaja yang layak untuk mendapat diskaun 20% melalui Kad Touch 'n Go. Bagi pemohon RFID, kad bank atau Aplikasi JustGo, kenderaan tersebut hendaklah didaftarkan kepada pemohon atau keluarga pemohon (ibubapa, suami/isteri dan anak-anak yang sah di sisi undang-undang sahaja) bagi menikmati diskaun 20%.
24.	Setelah kadar tol diskaun telah diaktifkan pada Tag Aplikasi JustGO/RFID/Kad Bank, adakah saya boleh memindah kelayakan diskaun itu pada kenderaan lain?	TIDAK. Walaubagaimanapun, jika pelanggan ada membuat proses <i>termination</i> tag RFID pada kenderaan tersebut, status kadar diskaun akan terhapus. Maka, pelanggan kini boleh menghantar permohonan baharu dengan mendaftarkan kenderaan lain. Syarat kelayakan masih kekal sama, tertakluk pada syarat-syarat yang dinyatakan.
26.	Saya bekerja tetap di Pulau Pinang, tetapi menggunakan kenderaan ibu saya, adakah saya layak untuk diskaun 20% ini?	YA. Anda layak untuk memohon, namun sila sertakan Surat Kebenaran yang sudah ditandatangani pemilik kenderaan di dalam permohonan anda.

NO	SOALAN	JAWAPAN
G. SOALAN BERKAITAN PENYAMBUNGAN SEMULA DISKAUN 20%		
1.	Kenapa terdapat tempoh had dua (2) tahun yang ditetapkan berkaitan kelayakan diskaun 20% tersebut?	Tempoh dua (2) tahun bagi kelayakan diskaun 20% hanya dikenakan bagi status kenderaan pekerja/pelajar bagi memastikan kelayakan dan pematuhan kepada terma dan syarat yang ditetapkan.
2.	Adakah pelanggan akan menerima sebarang notifikasi berkaitan penamatan diskaun 20%?	YA. Notifikasi emel akan dihantar kepada pelanggan sebelum tamat tempoh diskaun. Bagi pengguna akaun JustGo, boleh melihat tempoh diskaun melalui Aplikasi JustGO.
3.	Bolehkah pelanggan membuat penyambungan semula lebih awal tanpa perlu menunggu notifikasi dalam tempoh sebulan tersebut?	TIDAK. Permohonan penyambungan diskaun hanya boleh dilakukan seawal tiga puluh (30) hari dari tarikh tamat tempoh.
4.	Sekiranya tidak melakukan penyambungan semula dalam tempoh sebulan dan telah tamat tempoh, apakah yang pelanggan perlu lakukan?	Permohonan Baharu hendaklah dilakukan bagi sebarang permohonan yang telah tamat tempoh, bukan Permohonan Penyambungan.
5.	Penyambungan semula diskaun 20% dilakukan selepas tamat tempoh diskaun 20% dan dikenakan tambang perjalanan toll JPP dalam kadar normal (tanpa diskaun). Bolehkah pelanggan menuntut semula tambang perjalanan toll JPP dalam kadar normal (tanpa diskaun) daripada PLUS?	TIDAK. Tiada sebarang tuntutan akan diberikan sekiranya pelanggan telah di cas tambang asal perjalanan toll JPP dalam kadar normal (tanpa diskaun).

6.	Bagaimanakah cara-cara untuk membuat penyambungan semula diskaun 20%	Pengguna RFID dan Kad Bank : Sila pilih kategori “Permohonan Penyambungan” di Portal Jimat di Penang . Penyambungan semula boleh dihantar pada laman web yang sama seawal 30 hari sebelum tamat tempoh
7.	Berapa lamakah proses penyambungan semula diskaun 20% akan diluluskan oleh pihak PLUS?	Tempoh memproses permohonan adalah sama seperti permohonan baharu iaitu selama tujuh (7) hari.

NO	SOALAN	JAWAPAN
H. SOALAN BERKAITAN PENGGANTIAN DISKAUN 20%		
1.	RFID tag saya rosak dan saya telah membuat penggantian RFID tag baru untuk kenderaan yang sama. Bagaimanakah saya boleh memindahkan diskaun 20% dari RFID tag lama ke RFID tag yang baru bagi kenderaan yang sama?	Anda tidak perlu membuat permohonan 20% diskaun baru kerana diskaun 20% tersebut akan diaktifkan secara automatik sekiranya penggantian RFID Tag dilakukan untuk kenderaan yang sama (kenderaan yang telah diluluskan diskaun 20%). Walau bagaimanapun sekiranya anda telah menamatkan (terminate) RFID tag anda, anda perlu membuat permohonan baru melalui Portal Jimat di Penang .
2.	Saya telah membuat penggantian RFID tag baru untuk kenderaan yang baru. Bagaimanakah saya boleh memindahkan diskaun 20% dari RFID tag lama ke RFID tag yang baru bagi kenderaan yang baru?	Anda perlu menamatkan terlebih dahulu untuk RFID Tag kenderaan lama anda kepada pihak Touch ‘n Go. Setelah anda menamatkan RFID tag kenderaan lama, anda boleh membuat permohonan baru diskaun 20% melalui Portal Jimat di Penang .
3.	RFID tag saya rosak dan saya telah membuat penggantian RFID tag baru untuk kenderaan yang sama bagi 20% diskaun. Tetapi saya tidak dapat memadamkan RFID Tag lama saya di dalam akaun PLUSMiles. Bagaimanakah saya memadam RFID tag lama saya?	Anda tidak perlu memadamkan RFID Tag lama anda dan membuat permohonan diskaun 20% yang baru kerana diskaun 20% tersebut akan diaktifkan secara automatik sekiranya penggantian RFID Tag dilakukan untuk kenderaan yang sama (kenderaan yang telah diluluskan diskaun 20% sebelum ini). Sekiranya anda ingin memadamkan juga Tag RFID lama anda di dalam akaun PLUSMiles, sila maklumkan kami melalui Customer Feedback Form (plus.com.my)

TAMAT